

**NO. SOALAN : 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pengupayaan zakat terutama di Sabah yang dilihat mampu menjana ekonomi dan menjadi instrumen mencipta kekayaan yang sangat penting bagi membangunkan sosio ekonomi umat Islam.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa hal-ehwal agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kutipan dan agihan zakat dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) negeri masing-masing.

Pelaksanaan aktiviti agihan zakat adalah berbeza bagi setiap negeri mengikut dasar dan mekanisme serta pertimbangan pihak berkuasa agama Islam negeri masing-masing dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan dalam perkara berkenaan. Sebarang persoalan lanjut mengenai mekanisme pelaksanaan agihan zakat di negeri-negeri perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Ringkasnya, pengagihan zakat adalah mengikut kemampuan kutipan zakat dan agihan kepada asnaf yang dikenalpasti di negeri masing-masing.

Secara umumnya, pengupayaan untuk menjana ekonomi umat Islam adalah tertakluk kepada pelbagai program dan kaedah yang diputuskan oleh MAIN negeri masing-masing. Antaranya adalah melalui program usahawan asnaf berdikari menerusi bantuan geran dan modal perniagaan, latihan kemahiran dan sebagainya. Bagi negeri Sabah, Ahli Yang Berhormat hendaklah merujuk kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

Sekian, Terima Kasih.